

25 APR 2001

Abdullah-Aduan

JANGAN GUNA LEMBAGA DISIPLIN UNTUK KEPENTINGAN DIRI, KATA PAK LAH

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menasihatkan anggota Umno khususnya yang terlibat dalam pemilihan parti peringkat bahagian supaya tidak menggunakan lembaga disiplin parti untuk sewenang-wenangnya membuat aduan bagi kepentingan sendiri.

Beliau berkata ibu pejabat parti sudah menerima kira-kira 300 aduan berhubung pemilihan parti peringkat bahagian yang sedang berjalan sekarang dan lembaga disiplin perlu memberikan banyak masa untuk meneliti aduan-aduan itu.

"Saya harap janganlah mentang-mentang ada lembaga disiplin yang akan pertimbangkan segala rayuan, ahli-ahli UMNO ambil jalan senang melemparkan segala tuduhan, kalau-kalau tuduhan itu baik untuk mereka," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pengurusan Umno di ibu pejabat parti di sini.

Abdullah turut mengingatkan amaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa mereka yang tidak dapat membuktikan sesuatu tuduhan dalam aduan, terutamanya tuduhan berat, akan diturut dikenakan tindakan disiplin.

"Kita mahu mereka yang nak buat aduan, benar-benar ada kes untuk dipertimbangkan... kita nak aduan dibuat dengan penuh tanggungjawab," katanya.

Aduan-aduan yang diterima itu katanya, termasuk daripada cawangan, bahagian dan individu.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata kebanyakan aduan yang diterimanya melibatkan pihak yang kalah dalam pemilihan parti, yang teraniaya dan di kalangan mereka yang merasakan hak dan kepentingan mereka diketepikan.

"Kalaulah kita dapat gunakan berpuluh-puluh jam, yang kita terpaksa gunakan untuk memberi perhatian kepada perkara ini... kita gunakan untuk buat kebajikan, banyak kebaikan yang boleh kita perolehi," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Umno harus menjadi sebuah parti yang kuat, yang mengamalkan amalan demokrasi yang sihat.

"Patuh kepada keputusan ramai mestilah menjadi satu cara kita berpolitik. Bila ada pertandingan mesti ada yang menyokong dan ada yang tidak.

"Yang pentingnya semua bermuafakat, apabila selesai (pemilihan) dan bahagian telah buat keputusan berasas kepada suara majoriti, maka patuhlah, itu yang sebaik-baiknya," katanya.

Abdullah berkata, kira-kira 30 bahagian Umno belum mengadakan mesyuarat perwakilan.

Beliau turut menjelaskan bahawa mesyuarat perwakilan Pemuda dan Wanita bahagian tetap sah walaupun ada perwakilan daripada cawangan yang tidak sah kerana kehadiran perwakilan yang tidak sah itu boleh diketepikan.

Bagaimanapun mesyuarat agung Pemuda dan Wanita cawangan menjadi tidak sah jika status cawangan itu sendiri tidak sah kerana kedua-dua pergerakan itu adalah sebahagian daripada cawangan yang tidak sah itu.

"Kalau cawangan tak sah, Pemuda dan Wanita tidak sah, tetapi kalau mesyuarat bahagian itu sah, maka tidak sahnyanya sesuatu perwakilan yang hadir dalam mesyuarat bahagian itu tidak menyebabkan mesyuarat bahagian itu dibatalkan," katanya.

Abdullah juga berkata, Umno akan mengadakan majlis sambutan yang ringkas

tetapi penuh bermakna bagi meraikan Hari Umno pada 11 Mei.

Majlis itu antara lain membabitkan pertemuan anggota veteran Umno dengan Dr Mahathir selaku Presiden parti.

-- BERNAMA

AFY AFY FAZ